

**Calon Mahu Perkasa Pergerakan Pemuda Hadapi PRU Ke-14**  
**Bernama**  
**12 Oct, 2013**

JOHOR BAHARU, 12 Okt (Bernama) -- Tidak kira apa keputusannya, empat calon yang bertanding jawatan Ketua Pemuda Bahagian Johor Baharu mahu memperkasa pergerakan tersebut bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 kelak.

Sekiranya PRU ke-13 pada Mei lalu dijadikan ukuran, kekalahan Barisan Nasional di kerusi Dewan Undangan Negeri Stulang patut menjadi faktor penyedar bagi pergerakan yang dilihat lemah dari segi perpaduan dan kerjasama.

"Selepas lima tahun masih lagi lemah. Nak kumpul 11 orang untuk bermesyuarat pun susah. Sebab tu kita kalah zon Stulang," kata salah seorang calon itu Musbah Yusof di pusat pemilihan Dewan Seri Tebrau di sini hari ini.

PRU ke-14 bakal menyaksikan pertandingan sengit dan jentera Pemuda Umno di Johor Baharu harus kuat.

Oleh yang demikian, Syaiful Rizal Abdul Ghani mahu perkuatkan barisan pemuda bahagian tersebut.

Seorang lagi calon, Mohd Tom Ghadafi Anwary berkata perubahan perlu dilakukan segera bagi mempererat dan memperkuatkan lagi kerjasama di kalangan anggota pergerakan itu.

Dengan landskap politik yang sudah berubah, di mana banyak kawasan telah ditawan pembangkang dalam PRU ke-13 Johor tidak lagi berada dalam zon yang selesa, kata calon keempat Nor Nekman Osman.

Katanya, Pemuda Umno Johor Baharu perlu benar-benar bersedia bagi memastikan bersedia bagi memastikan kemenangan Umno dan Barisan Nasional pada PRU itu.

Seramai 21,929 perwakilan sayap Umno seluruh negeri johor melibatkan 3,959 ahli keluar menjalankan tanggungjawab memilih pada hari ini.

Keempat-empat muka baru itu bertanding bagi mengisi kekosongan kerusi ketua pemuda bahagian itu selepas penyandang Khalid Mohamad tidak bertanding berikutan faktor umur.

Sementara itu, pergerakan Wanita Umno Johor Baharu pula menyaksikan pertandingan tiga penjujur di antara Salmah Saffar, Inzura Isnin dan Saadiah Hussin bagi jawatan ketuanya.

Sebelum ini, Azura Mohd Afandi diisytiharkan menang tanpa bertanding jawatan ketua Puteri Umno bahagian itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985256>